

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN E-DAGANG, SUKU TAHUN KETIGA 2024

**Sektor Perkhidmatan Meningkat kepada RM618.5 bilion pada Suku
Ketiga 2024, Mencatatkan Pertumbuhan 5.9 peratus**

PUTRAJAYA, 7 NOVEMBER 2024 – Hasil sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.9 peratus tahun ke tahun pada suku tahun ketiga 2024 untuk merekodkan sebanyak RM618.5 bilion. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Ketiga 2024**. Laporan ini memaparkan statistik sektor Perkhidmatan yang merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Penginapan; Makanan & Minuman; Profesional; Hartanah; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Kesenian, Hiburan & Rekreasi; Pentadbiran & Khidmat Sokongan; Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti dan Pendapatan e-Dagang.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pertumbuhan kukuh sebanyak 5.9 peratus dalam sektor perkhidmatan bagi suku ini dipacu oleh sektor Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, serta

Penginapan, yang secara keseluruhannya mencatatkan peningkatan 5.1 peratus berbanding suku yang sama tahun lalu. Pertumbuhan ini mencerminkan peningkatan jumlah pelancong antarabangsa dan domestik yang seterusnya mendorong kepada perbelanjaan pengguna dan meningkatkan permintaan dalam industri penting ini serta mengukuhkan peranan utama sektor pelancongan dalam menyokong prestasi sektor tersebut.

Segmen Profesional, Hartanah dan Perkhidmatan Pentadbiran & Sokongan juga merupakan penyumbang kepada sektor ini telah mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 11.2 peratus berbanding tahun lalu dengan jumlah hasil yang direkodkan sebanyak RM40.7 bilion. Menyokong kepada pertumbuhan ini, aktiviti berkaitan hartanah menunjukkan momentum yang ketara dengan pinjaman yang dikeluarkan untuk tujuan perumahan meningkat sebanyak 7.7 peratus berbanding tahun lalu, sementara itu nilai kerja yang dilaksanakan dalam pembinaan perumahan meningkat sebanyak 27.8 peratus. Perkembangan ini menunjukkan peningkatan ekonomi yang lebih meluas apabila permintaan pengguna untuk perumahan kekal berdaya tahan, memberi manfaat kepada industri perkhidmatan yang berkaitan dan memperkukuhkan kestabilan ekonomi dalam sektor Perkhidmatan.

Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan merekodkan 6.1 peratus kenaikan, dipacu oleh pertumbuhan yang ketara sebanyak 14.1 peratus oleh trafik penumpang udara. Pertumbuhan ini menunjukkan pemulihan dalam permintaan perjalanan, disokong oleh peningkatan kekerapan penerbangan dan kenaikan jumlah kedatangan pelancong yang menyumbang kepada kestabilan dan pengembangan dalam industri-industri berkaitan.

Sementara itu, segmen Penjagaan Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi, serta Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain

Aktiviti mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 12.2 peratus, mencerminkan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan peribadi dan rekreasi. Momentum pertumbuhan ini menyumbang kepada perkembangan yang lebih pelbagai dalam sektor perkhidmatan, sekali gus mengukuhkan peranannya dalam menyokong aktiviti ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

Bagi analisis perbandingan suku tahunan, jumlah hasil untuk sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 1.9 peratus berbanding suku tahun kedua 2024. Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan bertumbuh sebanyak 1.8 peratus menyumbang kepada peningkatan hasil sebanyak RM8.1 bilion. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, yang meningkat 1.4 peratus. Segmen Profesional, Hartanah, dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan mencatatkan kenaikan sebanyak 3.1 peratus, manakala segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi, dan Perkhidmatan Persendirian & Aktiviti Lain bertumbuh sebanyak 4.1 peratus.

Ketua Perangkawan melaporkan bahawa "Pendapatan e-Dagang bagi suku tahun ini mencecah RM300.5 bilion, mencerminkan peningkatan 3.8 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, didorong terutamanya oleh kenaikan 4.3 peratus dalam sektor Pembuatan. Pertumbuhan ini menekankan peranan e-Dagang yang semakin berkembang dalam menyokong keluaran industri dan mendorong permintaan pengguna. Walaupun terdapat penurunan kecil sebanyak 0.6 peratus berbanding suku tahun sebelumnya, e-Dagang kekal sebagai tonggak penting dalam landskap ekonomi Malaysia.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah "Jumlah pekerja dalam sektor ini adalah seramai 4.5 juta orang, meningkat 1.7 peratus tahun ke tahun. Kenaikan ini dipacu oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan dengan peningkatan

sebanyak 3.6 peratus, diikuti subsektor Perdagangan Borong & Runcit sebanyak 2.0 peratus. Pada asas suku tahunan, jumlah pekerja bertumbuh 0.6 peratus, meningkat seramai 25.6 ribu orang.”


Sementara itu, jumlah gaji dan upah meningkat 3.8 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan nilai sebanyak RM33.0 bilion. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Hartanah dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi yang masing-masing bertambah sebanyak 9.5 peratus dan 8.1 peratus tahun ke tahun. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, gaji dan upah bertumbuh sebanyak 1.2 peratus.

Sebagai kesimpulan, sektor perkhidmatan Malaysia mencatatkan nilai RM618.5 bilion pada suku tahun ketiga 2024, mengekalkan ketahanan dan keupayaan ekonomi dalam keadaan yang menggalakkan. Pertumbuhan sektor ini sebahagian besarnya disokong oleh lonjakan 25.3 peratus dalam pelancongan, didorong oleh acara seperti sambutan Hari Merdeka, Hari Malaysia, cuti persekolahan dan pilihan raya kecil negeri. Aktiviti utama seperti Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan mencatatkan peningkatan yang kukuh, manakala aktiviti Hartanah, Profesional, dan Pengangkutan menunjukkan momentum peningkatan berterusan daripada suku sebelumnya. Perkembangan berterusan ini menunjukkan respons sektor ini terhadap permintaan bermusim serta kekuatan ekonomi yang meluas, membina asas yang kukuh untuk pertumbuhan selanjutnya pada suku akan datang.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan




Carta 2: Prestasi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan




Carta 3: Prestasi Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan




Carta 4: Prestasi Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti



Carta 5: Prestasi Segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Sokongan



Carta 6: Pendapatan e-Dagang



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 NOVEMBER 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR AND E-COMMERCE INCOME, THIRD QUARTER 2024

***The Services Sector Rises to RM618.5 billion in Q3 2024,
Marking a 5.9 per cent Growth***

PUTRAJAYA, 8 AUGUST 2024 – Services sector revenue recorded a 5.9 per cent year-on-year growth in the third quarter of 2024, reaching a total revenue of RM618.5 billion. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **The Quarterly Services Statistics, Third Quarter 2024**. The report presents statistics on Services sector, which encompasses the sub-sectors of Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Accommodation; Food & Beverage; Professional; Private Health; Private Education; Arts, Entertainment & Recreation; Real Estate; Administrative & Support Service; Personal Services & Other Activities, and Income of e-Commerce.

Malaysia's Chief Statistician, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, reported the strong 5.9 per cent growth in the Services sector this quarter was led by the Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage, and Accommodation sectors, which collectively

saw a 5.1 per cent year-on-year increase. This growth reflects rising numbers of international and domestic tourists, which in turn have fuelled consumer spending and heightened demand across these essential industries, reinforcing tourism's key role in sustaining the sector's performance.

The Professional, Real Estate, and Administrative & Support Services sectors also contributed significantly, posting a robust 11.2 per cent year-on-year growth, culminating in total revenue of RM40.7 billion. Further supporting this growth, real estate-related activities displayed notable momentum, with loans disbursed for residential purposes rising by 7.7 per cent year-on-year, and the value of work done in residential construction increasing by 27.8 per cent. These developments suggest a broader economic uplift as consumer demand for housing remains resilient, benefiting associated service industries and reinforcing the economic stability in the services sector.

The Information & Communication and Transportation segment recorded a 6.1 per cent expansion, led by a substantial 14.1 per cent year-on-year increase in air passenger traffic. This growth highlights a resurgence in travel demand, supported by increased flight frequencies and rising tourist arrivals, which contribute to stability and expansion across interconnected industries.

Meanwhile, the Private Healthcare, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation, and Other Personal Services segments exhibited robust 12.2 per cent growth, reflecting intensified demand for personal and recreational services. This upward momentum contributes to a diversified expansion within the Services sector, reinforcing its role in sustaining Malaysia's broader economic activity.

On the quarterly comparative analysis, the total revenue for Services sector increased by 1.9 per cent compared to the second quarter of 2024. This growth

was primarily driven by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage, and Accommodation segment, which expanded by 1.8 per cent, contributing an additional RM8.1 billion. This was followed by the Information & Communication and Transportation & Storage segment, which increased 1.4 per cent. The Professional, Real Estate, and Administrative & Support Services segment also saw a rise of 3.1 per cent, while the Private Healthcare, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation, and Other Personal Services segment grew 4.1 per cent.

The Chief Statistician reported that e-Commerce income for the quarter reached RM300.5 billion, reflecting a 3.8 per cent year-on-year increase, driven largely by a 4.3 per cent rise in the Manufacturing sector. This growth underscores e-Commerce's expanding role in supporting industrial output and driving consumer demand. Despite a minor 0.6 per cent decrease from the previous quarter, e-Commerce remains a vital pillar in Malaysia's economic landscape.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin further added, "The total number of persons engaged in this sector stands at 4.5 million, an increase of 1.7 per cent year-on-year. This growth was led by the Transportation & Storage sub-sector, which saw an increase of 3.6 per cent, followed by the Wholesale & Retail Trade sub-sector by 2.0 per cent. On a quarter-on-quarter basis, the number of persons engaged grew by 0.6 per cent, adding 25.6 thousand persons.

Meanwhile, the total salaries and wages increased 3.8 per cent year-on-year to register RM33.0 billion. The increment was attributed to Real Estate and Arts, Entertainment & Recreation sub-sectors which rose 9.5 per cent and 8.1 per cent respectively. For quarter-on-quarter comparison, salaries and wages grew 1.2 per cent.

In conclusion, Malaysia's services sector reached RM618.5 billion in third quarter 2024, underscoring the economy's resilience and adaptability amid favourable conditions. The sector's growth was largely buoyed by a 25.3 per cent surge in tourism, driven by events like the Merdeka celebration, Malaysia Day, school holidays, and three state by-elections. The main services activities such as Wholesale & Retail, Food & Beverage, and Accommodation saw robust gains, while Real Estate, Professional, and Transportation displayed continued upward momentum from the previous quarter. This steady expansion highlights the sector's response to seasonal demand and broader economic strength, building a strong foundation for further growth in upcoming quarters.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life." DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Performance of Services Sector




Chart 2: Performance of Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation Segment




Chart 3: Performance of Information & Communication and Transportation & Storage Segment




Chart 4: Performance of Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities Segment




Chart 5: Performance of Professional, Real Estate and Administrative & Support Service Segment





Chart 6: e-Commerce Income



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

7 NOVEMBER 2024